

Keputusan lucut hak harta Najib, 17 responden 8 November

um - 31/8/2021 ml: 10

KUALA LUMPUR: Permohonan pihak pendakwaan untuk melucut hak barangan berharga milik Datuk Seri Najib Tun Razak, isterinya serta 16 pihak lain yang dikaitkan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), akan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi pada 8 November ini.

Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan tarikh itu selepas pihak-pihak bersetuju kes itu diputuskan dengan mengambil kira hujahan bertulis yang dikemukakan sebelum ini.

Hakim berkenaan selanjutnya memaklumkan beliau memerlukan masa selama dua bulan untuk menyediakan penghakiman bertulis.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Harris Ong Mohd. Jeffrey Ong berkata, prosiding semalam diteruskan dengan mahkamah menetapkan tarikh untuk keputusan selepas semua pihak bersetuju mengguna pakai hujahan bertulis tanpa perlu mengemukakan hujahan lisan.

Semalam sepatutnya ditetapkan untuk pendengaran penghujahan lisan pihak pendakwaan manakala hujahan bertulis difailkan pada 14 Julai lalu.

Pada 23 Julai lepas, Hakim Mohamed Zaini menengguhkan prosiding selepas pendakwaan memaklumkan wujud perkembangan baharu yang saling



NAJIB TUN RAZAK

berkaitan dan, memberi kesan terhadap kes-kes lucut hak lain.

Pihak pendakwaan ketika itu memberitahu, mereka memerlukan masa untuk meneliti perkara tersebut sebelum memaklumkan kepada mahkamah tindakan yang akan diambil.

Antara barangan disita polis pada 17 Mei 2018 ialah 52 beg tangan pelbagai jenama, 10 utas jam tangan pelbagai jenama dan wang tunai berjumlah RM537,000.

Turut disita ialah Pound Sterling 2,700, Rupee Sri Lanka 2,870,000, wang lama Ringgit Malaysia RM187,750, Pound Sterling 320,500, Rupiah 13,177,00, US\$100, Hryvnies (Ukraine) 376, Euro 20, France

50, South African 10 Rand, Singapore Dollar 40, Riyal 531, Phillipines Peso 740 dan Ringgit Malaysia 21,150 (wang baharu).

Barangan lain yang disita pada tarikh sama ialah empat jam tangan pelbagai jenama, empat beg tangan pelbagai saiz dan jenama, 167 beg tangan pelbagai jenama dan 27 pasang kasut pelbagai jenama manakala 40 beg tangan pelbagai jenama turut disita pada 11 Jun 2018.

Sebanyak 27 kereta jenis model Nissan Urvan turut disita pada 2 Ogos 2018 selain beberapa bidang tanah dan aset lain.

Selain Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, pihak pendakwaan turut menamakan anak mereka iaitu Riza Shahriz Abdul Aziz (anak tiri Najib), Nor Ashman Razak Mohd. Najib dan Nooryana Najwa Mohd. Najib sebagai responden pertama hingga kelima.

Selain itu, Mohd Kyizzad Mesran, Senijauhar Sdn. Bhd., Aiman Ruslan, Yayasan Rakyat 1Malaysia, Yayasan Semesta, Yayasan Mustika Kasih, Rembulan Kembara Sdn. Bhd., Goh Gaik Ewe (ibu kepada Low Taek Jho), Roger Ng Chong Hwa (bekas pegawai bank Goldman Sachs) dan isteri, Lim Hwee Bin, Kee Kok Thiam, Tan Vern Tact dan Geh Choh Hun sebagai responden-responden.